



**PARLIMEN MALAYSIA MEMPELAWA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN  
UNTUK MEMOHON JAWATAN BERIKUT**

1. (a) **JAWATAN** : **PEMBANTU AM PEJABAT**  
(b) KEMENTERIAN/JABATAN/ : Parlimen Malaysia  
BADAN BERKANUN/KUASA TEMPATAN  
(c) KUMPULAN PERKHIDMATAN : Sokongan  
(d) KLASIFIKASI PERKHIDMATA : Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan
2. **JADUAL GAJI**  
**Gred** **Jadual Gaji Matriks**  
Gred N1 : P1 RM733.54 - RM1782.67
3. **SYARAT LANTIKAN**  
Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) berpelajaran di peringkat sekolah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan  
(ii) boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.
4. **TARAF JAWATAN** : Tetap
6. **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT -SYARAT SKIM PERKHIDMATAN** : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Am Pejabat adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. **FUNGSI BIDANG TUGAS** : Bertanggungjawab sebagai penghantar surat dan membantu kerja pejabat.
8. **CARA MEMOHON**
  - a) Permohonan hendaklah menggunakan **Borang BP-23 Pindaan 1/92** yang boleh didapati di Kaunter Menara, Parlimen Malaysia, Blok Menara Parlimen, 50680 Kuala Lumpur.
  - b) Pemohon-pemohon yang berkehendakkan Borang BP-23 Pindaan1/92 melalui pos hendaklah menyertakan sampul surat berukuran 16sm x 23sm beralamat sendiri dan dilekatkan setem RM0.50 dan dihantar ke alamat di atas.
  - c) Semua Permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar terbaru berukuran passport, salinan Sijil Kelahiran, salinan Kad Pengenalan, salinan Sijil-Sijil Persekolahan dan kelulusan serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan yang telah disahkan.
  - d) Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perenggan 17, Peraturan - Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005. Sila sertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan terkini dan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan yang disahkan.
  - e) Permohonan yang berikut akan ditolak:
    - I. tidak disertai dengan dokumen yang diperlukan;
    - II. tidak lengkap atau tidak terang;
    - III. tidak mematuhi syarat-syarat kelayakan;
    - IV. tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat;
    - V. tidak ditandatangani; dan
    - VI. diterima selepas tarikh tutup permohonan.

9. **ALAMAT DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia  
Bangunan Parlimen  
Jalan Parlimen  
**50680 Kuala Lumpur**  
( u/p : Cawangan Khidmat Pengurusan )

**Tarikh tutup : 18 MEI 2012**

CATATAN AM:

- a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- c) Parlimen Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas semua perbelanjaan calon-calon yang akan menghadiri temu duga ini.